

Genesis *Tajribah* Miskawayh dalam *Tajārib al-Umam*

AZMUL FAHIMI KAMARUZAMAN

ABSTRAK

Penulisan ini membincangkan genesis atau asal usul idea Tajribah (pengalaman) Miskawayh yang mendominasi historiografinya dalam kitab Tajārib al-Umam. Untuk tujuan tersebut, artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara konseptual. Fokus adalah untuk membentuk genesis idea Tajribah iaitu dengan menginterpretasi epistemologinya berdasarkan etimologi judul kitabnya Tajārib al-Umam. Interpretasi juga melibatkan tiga prinsip asas yang mendasari pola pemahaman yang sama dengan Tajribah iaitu Khibrah (kepakaran), Mulāḥazah (pemerhatian) dan Zāhirah (fenomena). Interpretasi juga menghubungkan prinsip-prinsip tersebut dengan gagasan sejarah yang dikemukakan oleh Miskawayh dalam Muqaddimah kitab Tajārib al-Umam.

Kata kunci: Historiografi dan falsafah sejarah Miskawayh, Tajārib al-Umam, dan Tajribah.

The Genesis of Miskawayh's *Tajribah* in the *Tajārib al-Umam*

ABSTRACT

This writing discusses the genesis of Miskawayh's Tajribah (experience) that prevails in the historiography of Tajārib al-Umam. For that purpose, this article applies the conceptual content analysis method. It focuses on establishing the genesis of Tajribah by interpreting its epistemology in accordance with an etymological title of Tajārib al-Umam. The interpretation involves three fundamental principles that underline an equal understanding pattern of the Tajribah, namely Khibrah (expertise), Mulāḥazah (observation) and Zāhirah (phenomenon). The interpretation is also related to the principal of Miskawayh's history in the Muqaddimah of Tajārib al-Umam.

Keywords: Miskawayh's historiography and philosophy of history, Tajārib al-Umam, and Tajribah.

PENDAHULUAN

Abū ‘Alī Aḥmad bin Muḥammad bin Ya‘qūb yang masyhur dengan gelaran Miskawayh. (Arkoun 1993: 143) dilahirkan di Rayy, Iran sekitar tahun 932 Masihi. Beliau meninggal pada tahun 1030 Masihi. Miskawayh menjalani kehidupan yang sukar pada zaman awal kehidupannya. Beliau kematian ayahnya pada usia yang kecil dan ibunya mengahwini lelaki muda (al-Khwārizmī 1879: 173). Miskawayh menyertai perkhidmatan dalam istana pemerintahan kerajaan Buwayh pada abad kesepuluh Masihi di zaman pemerintahan Amīr al-umarā’ Mu‘izz al-Dawlah (356 H/967 M), Rukn al-Dawlah (365 H/976 M) dan ‘Adūd al-Dawlah (372 H/983 M) di Baghdad, Rayy dan Shiraz. Beliau bertindak sebagai pembantu kepada wazīr al-Muḥallabī (352 H/963 M) dan Abū al-Faḍl Ibn al-‘Amīd (360 H/970 M). Pada masa yang sama Miskawayh juga berkhidmat sebagai pustakawan kepada Ibn al-‘Amīd selama tujuh tahun dan turut menjadi pengajar kepada anaknya Abū al-Faḥ Ibn al-‘Amīd (366 H/976 M) (Siddiqui 1974: 87-111).

Miskawayh tersohor sebagai ahli falsafah akhlak zaman pertengahan Islam. Miskawayh juga merupakan sejarawan utama zaman kerajaan Buwayh dalam periode kedua Khilāfah ‘Abbāsī menerusi karya sejarah beliau berjudul *Tajārib al-Umam*. Kesarjanaan Miskawayh dalam bidang sejarah diakui oleh Margoliouth dengan mengatakan “Any one who proceeds from the study of Tabari to that of Miskawaihi will find that the later’s qualifications for the composition of history are very much greater than those of his predecessor”. (Margoliouth 1977: 129).

Tajārib merupakan karya yang tergolong dalam genre sejarah universal, kedudukan tersebut banyak bergantung dan dipengaruhi oleh faktor kandungan teks tersebut. Kandungan *Tajārib* yang mengandungi sejarah dari zaman kerajaan Parsi; al-Fayshadāziyah, al-Kayyah, al-Ashghāniyah dan al-Sāsāniyah serta zaman Rasulullah, Khulāfa’ al-Rāshidīn, Khilāfah Umawī dan ‘Abbāsī menjadikan ianya layak berada dalam genre sejarah universal. Walau bagaimanapun *Tajārib* juga dianggap sebagai sebuah karya sejarah kontemporari kerana kecenderungan kandungan sejarahnya yang memaparkan sejarah kontemporari zaman Miskawayh (Khan 1980). *Tajārib* merupakan sebuah karya historiografi yang bersifat *akhbār*. Oleh yang demikian, Miskawayh hanya memperuntukkan helaian yang kecil sebagai *Muqaddimah al-Muṣanif* untuk menjelaskan tentang konsep sejarah beliau.

EPISTEMOLOGI *TAJRIBAH*

Epistemologi atau teori ilmu lazimnya menurut sudut pandangan barat membincangkan tentang aspek skop, sumber dan kebenaran sesuatu ilmu. Ia merupakan cabang dalam bidang falsafah (Kattsoff 1954). Namun dalam kajian ini, epistemologi adalah merujuk kepada teori ilmu Miskawayh tentang *Tajribah* dalam kitab *Tajārib*. Kefahaman terhadap konsep *Tajribah* yang diketengahkan oleh Miskawayh perlu dimulakan dengan memahami sudut etimologi '*Tajārib al-Umam*'. Kefahaman tersebut dihubungkan dengan tiga skop pemikiran yang sama dengan *Tajribah* iaitu *khibrah* (kepakaran), *mulāḥazah* (pemerhatian) dan *zāhirah* (fenomena).

ETIMOLOGI '*TAJARIB AL-UMAM*'

Huraian Miskawayh dalam *Muqaddimah* kitab *Tajārib* menunjukkan beliau secara langsung menggunakan istilah *Tajribah* bagi merujuk kepada kandungan kitab *Tajārib*. *Tajribah* merupakan kata nama tunggal manakala *tajārib* ialah kata nama jamak. *Al-Umam* pula merupakan kata nama jamak dari kata nama tunggal *ummah* yang bermaksud bangsa. Gabungan kedua-dua perkataan tersebut membentuk satu frasa iaitu '*Tajārib al-Umam*'. Frasa ini diterjemahkan oleh Amedroz dan Morgoliouth sebagai 'pengalaman-pengalaman bangsa' atau 'the Experience of Nations' (Amedroz dan Margoliouth: 1921). Penggunaan frasa '*Tajārib al-Umam*' oleh Miskawayh memberi gambaran awal tentang isi kandungan sejarahnya yang terdiri dari pelbagai bentuk pengalaman dan bangsa di dalamnya. Ini adalah satu kepastian kerana seperti yang dijelaskan sebelumnya, aspek kandungan kitab *Tajārib* terdiri dari lima pembahagian unit sejarah berasaskan kronologi iaitu Parsi pra Islam, Rasūlullah, Khulāfa' al-Rāshidīn, Umawī dan 'Abbāsī.

Secara etimologinya, penggunaan istilah '*tajārib*' memberi implikasi yang signifikan kepada aspek pemikiran Miskawayh dalam historiografinya. Beliau tidak menggunakan istilah lain untuk memberi gambaran kepada sejarah seperti istilah *Tārīkh* yang digunakan oleh al-Ṭabarī dan *Ibār* oleh Ibn Khaldūn. Istilah *Tajārib* adalah titik tolak kepada pembinaan landasan historiografi Miskawayh. Berbanding dengan '*al-Umam*' yang lebih bersifat teknikal. Ini kerana '*al-Umam*' merupakan ruang bagi Miskawayh untuk menentukan jenis sejarah bangsa-bangsa yang perlu dipilih dan disusun dalam historiografinya. Pilihan dan susunan tersebut dilakukan beliau berdasarkan idea *Tajribah*. Miskawayh menjelaskan "*aku telah susun buku ini dan aku namakannya Tajārib*

al-Umam” (Miskawayh 2001: 49). Ini bermakna Miskawayh bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemilihan kedua-dua perkataan tersebut yang akhirnya membentuk sebuah frasa.

Penggunaan istilah *Tajribah* diulangi Miskawayh beberapa kali. Proses pengulangan ini memperlihatkan keputusan beliau meletakkan *Tajribah* sebagai landasan historiografi dalam *Tajārib*. Jika disoroti dalam historiografi Arab-Islam, eksistensi *Tajribah* dikesan sebelum kemunculan Miskawayh dan *Tajārib* lagi. Sejarahwan al-Mas‘ūdī (345/956) muncul dengan karyanya *Kitāb al-Qadāyā wa’ al-Tajārib*. Karya beliau yang tergolong dalam genre sejarah universal itu berasaskan sumber yang diperolehinya melalui proses pengalaman dan pemerhatian peribadi semasa melakukan pengembaraan (al-Mas‘ūdī 1966: 91).

Trend pemikiran sedemikian tidak hanya melewati pemikiran al-Mas‘ūdī bahkan kemudiannya menyinggahi pemikiran Ibn Khaldūn (808/1406) yang muncul selepas al-Mas‘ūdī dan Miskawayh dengan gagasan idea *‘Ibra* atau kata jamaknya *‘Ibār* sebagai merujuk kepada karyanya *Kitāb al-‘Ibār*. Menurut Muhsin Mahdi istilah *‘Ibār* memberi gambaran tentang kandungan sejarah dan metode yang digunakan Ibn Khaldūn. Kandungannya mencakupi genre sejarah universal secara umum dan khusus kepada sejarah yang diamati dan dialami beliau secara langsung melalui pengalaman peribadi seperti kelemahan dan kejatuhan kerajaan Islam (Mahdi 2006: 70). Menariknya Mahdi juga mencatatkan bahawa istilah *Tajribah* telah digunakan sebelumnya oleh golongan yang dipengaruhi oleh falsafah Yunani dan kesusasteraan Parsi. Golongan ini menurut beliau cenderung mengkaji sejarah berdasarkan tema pengalaman (Mahdi 2006: 69).

Menjadi satu persoalan yang tidak dapat dipastikan kemungkinan pendapat Mahdi itu merujuk kepada Miskawayh. Tetapi ia bukanlah satu persoalan yang menjadi tumpuan utama. Ini kerana penulis melihat kepada persoalan yang lebih penting untuk ditangani iaitu mengapa Miskawayh menggunakan *Tajribah* sebagai landasan historiografinya? Kelihatan dalam *Tajārib*, Miskawayh meretorikkan idea *Tajribah* dengan satu gambaran yang mendominasi historiografinya. Penulis mengamati usaha tersebut dan menanggapinya dengan satu bentuk pola pemikiran. Ini bermakna *Tajribah* tidak hanya boleh difahami dalam bentuk maknanya yang literal semata-mata. Bahkan perlu ada konsep dan istilah yang lain untuk menjustifikasikan maknanya secara menyeluruh.

Berdasarkan hujah tersebut, *Tajribah* yang diretorikkan oleh Miskawayh berdasarkan judul *‘Tajārib al-Umam*’ merupakan satu teori

yang dibentuk oleh beberapa konsep lain. Penulis mencadangkan tiga konsep dan istilah lain yang selari, kritikal dan signifikan dari segi kefahaman dengan *Tajribah* iaitu *khibrah* (kepakaran), *mulāḥazah* (pemerhatian) dan *zāhirah* (fenomena). Ketiga-tiga istilah ini dipilih kerana mempunyai hubungan persamaan dari segi maksud untuk difahami dan dianalisis dengan istilah *Tajribah*.


TAJRIBAH

Untuk memahami *Tajribah*, penulis membentangkan kerangka asasnya dengan merujuk kepada dua bentuk perbincangan iaitu pertamanya secara teori dan kedua secara interpretasi hubungannya dengan *Muqaddimah* kitab *Tajārib*.

TEORI

Pertamanya *Tajribah* secara umum merujuk kepada proses eksperimen (*al-ikhtibār*) yang dilakukan terhadap sesuatu objek secara saintifik. Ia dibahagikan kepada dua proses sebagai metode memperoleh ilmu melalui pengalaman secara luaran dan dalaman. (1) *Tajribah* luaran diperolehi melalui proses empirikal (*al-idrāk al-hissī*) yang boleh diuji secara eksperimen. (2) *Tajribah* dalaman melibatkan proses mendapatkan ilmu melalui sumber intuisi (*al-shu'ūr*). Berdasarkan kefahamannya yang khusus pula, *Tajribah* merupakan pengetahuan tentang sesuatu yang bersifat bermanfaat (*ifādah*) dan diperolehi melalui proses pemerhatian (*mulāḥazah*) yang teliti terhadap fenomena (*zāhirah*) yang berlaku (Abū Zayd 2001: 339).

Perlu difahami bahawa *mulāḥazah* ialah satu proses yang berlaku dengan menggunakan pancaindera sama ada deria lihat, rasa dan dengar. Untuk menghasilkan *Tajribah* proses ini memerlukan ruang yang dinamakan fenomena atau *zāhirah*. *Zāhirah* adalah konteks yang bersifat luar biasa (*extraordinary*). Ia ditentukan oleh faktor masa, tempat dan manusia yang mengisinya. Oleh yang demikian, *zāhirah* adalah satu konteks keadaan, suasana dan persekitaran yang wujud dan merupakan platform untuk melakukan proses *mulāḥazah*. Hasil dari berlakunya proses *mulāḥazah* terhadap *zāhirah* maka tersingkaplah nilai-nilai *ifādah* yang berguna dan bermanfaat. Nilai-nilai tersebut menghasilkan apa yang disebut *Tajribah* atau pengalaman. Gambaran ringkas proses tersebut berdasarkan rajah berikut.



Rajah 1: Gambaran Berlakunya Proses *Tajribah*

Tajribah dalam makna yang lebih terperinci pula merujuk kepada dua pembahagian yang empirikal iaitu *al-tajribah al-ḥissiyyah* dan *al-khibrah al-ḥissiyyah*. Kedua-dua pembahagian tersebut mempunyai perbezaan. *Al-Tajribah al-ḥissiyyah* hanya dapat dibuktikan melalui proses uji kaji yang saintifik. Manakala *al-khibrah al-ḥissiyyah* pula adalah keadaan dan proses yang dialami serta dapat dirasai oleh manusia (Abū Zayd 2001: 339).

Dalam bentuknya yang lebih mudah pula, *Tajribah* difahami berdasarkan tiga maksud: (1) sesuatu yang dialami, dirasai dan mampu dilihat secara langsung. Ia dinamakan pengalaman langsung (*immediate experience*). (2) Untuk mengetahui fakta melalui pengalaman yang bersifat perantaraan dengan objek seperti buku. Ia dinamakan pengalaman melalui perantaraan (*mediated experience*). (3) Mencuba sesuatu melalui proses eksperimen dan memperolehi pengalaman darinya. Ia dinamakan pengalaman yang tidak muktamad (*tentative experience*) (Heinemann 1941: 570).

Berdasarkan keempat-empat versi makna *Tajribah* yang dibentangkan, penulis cenderung untuk memilih makna yang kedua iaitu *Tajribah* merupakan pengetahuan tentang sesuatu yang bersifat *ifādah* dan diperolehi melalui proses *mulāḥazah* yang teliti terhadap *zāhirah* yang berlaku. Ini kerana kewujudan tiga istilah tersebut iaitu *ifādah*, *mulāḥazah* dan *zāhirah* (seperti yang digambarkan dalam Rajah 1) mempunyai kaitan dan hubungan dengan proses berlakunya *Tajribah* Miskawayh. Di samping itu, istilah *khibrah* juga mempunyai signifikan untuk dibahas kerana faktor persamaannya dengan maksud *Tajribah*.

INTERPRETASI

Perbahasan yang kedua pula adalah untuk mengaplikasi teori tersebut merujuk kepada *Muqaddimah* kitab *Tajārib*. Miskawayh menyatakan dalam *Muqaddimah* “Apabila aku amati (*taṣofahtu*) melalui pembacaan pada riwayat bangsa-bangsa, biografi raja-raja, riwayat kota-kota dan buku-buku sejarah aku dapati (*wajadtu*) daripadanya perkara-perkara yang boleh dimanfaatkan (*mā tastafādu minhu*) dari pengalaman (*Tajribah*) yang sentiasa berlaku” (Miskawayh 2001: 47). Pemahaman tersebut terbahagi kepada tiga peringkat iaitu berdasarkan istilah “aku amati melalui pembacaan (*taṣofahtu*)”, “aku dapati (*wajadtu*)” dan “perkara-perkara yang boleh dimanfaatkan (*mā tastafādu minhu*)”. “Aku amati melalui pembacaan” berlaku melalui proses pembacaan. Ia adalah pengalaman yang terbentuk melalui proses perantaraan (*mediated experience*) yang melibatkan bahan bertulis. Peringkat ini dinyatakan oleh Khan dengan mengklasifikasikan penggunaannya sebagai sumber bertulis (*written sources*) yang merangkumi buku-buku sejarah, surat-menyurat dan dokumen (Khan 1980: 147-181). Manakala “aku dapati” pula perlu difahami bersama istilah “perkara-perkara yang boleh dimanfaatkan (*mā tastafādu minhu*)”. Kenyataan tersebut secara implisitnya mengesahkan berlakunya proses modifikasi (*tanqīh*) terhadap kandungan sejarah, apabila Miskawayh hanya menerima kandungan sejarah yang berbentuk *Tajribah* iaitu sejarah yang mempunyai nilai *ifādah* atau bermanfaat sahaja yang kemudiannya disusun dan ditulis dalam *Tajārib*. Miskawayh kemudiannya menegaskan “aku telah susun buku ini dan aku namakannya *Tajārib al-Umam* supaya manusia dapat mengambil manfaat (*intifā‘ā*) darinya” (Miskawayh 2001: 49). Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa Miskawayh memperakui bahawa masa lalu sebagai sesuatu yang berguna sebagai panduan dan pengajaran.

Miskawayh menggunakan secara berulang-ulang kata kerja dan kata nama yang berdasarkan tema *ifādah* dalam *Muqaddimah*. Tema tersebut terangkum dalam sejumlah perkataan *mā tastafādu minhu*, *lā fāidah fihā*, *al-intifā‘u bihi*, *fāidatahā*, *intifā‘ā*, *yantafi‘u bihi*, *lā yufīdu* dan *lā yastafīdūna* (Miskawayh 2001: 47-50). Walaupun setiap perkataan itu perlu difahami berdasarkan konteks ayatnya yang tersendiri namun kewujudannya cukup untuk memberi makna bahawa Miskawayh cuba menggambarkan tentang kegunaan sejarah sebagai satu utiliti yang penting.

Ianya mempunyai maksud dalam bentuk kesatuan makna yang jelas iaitu *ifādah*. Bagaimana bentuk kefahaman *ifādah* yang cuba digagaskan oleh Miskawayh? Meskipun beliau tidak mengatakan dengan jelas tentang konsep tersebut, kecenderungannya dapat dikesan melalui ulangan penggunaan perkataan-perkataan yang mengandungi kesatuan makna yang hampir sama. Pemahaman tentang konsep *ifādah* tidak dapat dicapai dengan cuba memahaminya hanya secara tunggal. Ia perlu dihubungkan dan difahami secara bersama dengan *Tajribah*. Miskawayh mengatakan “dan aku telah melihat contoh-contoh peristiwa yang terdahulu, pengalaman (*tajribah*) orang-orang yang terdahulu dan menjadikannya sebagai bukti panduan, agar dapat berhati-hati dengan peristiwa-peristiwa buruk yang menimpa sesuatu kaum dan berpegang dengan apa yang membahagiakan sesuatu kaum itu (Miskawayh 2001: 48).

Miskawayh mempunyai sebab untuk melakukan *tanqīh* hanya terhadap kandungan sejarah yang difikirkannya bermanfaat. Sebab utamanya ialah untuk menjelaskan kepentingan pengalaman masa lalu dilihat sebagai satu sejarah yang berguna dan bermanfaat. Pemahaman itu juga merujuk kepada apa yang ditegaskan oleh Collingwood bahawa sejarah itu berguna untuk mengenal diri (*self-knowledge*). Menurut beliau secara logiknya untuk mengetahui tentang diri sendiri kita hendaklah mengetahui apa yang telah kita lakukan (Collingwood, 1985: XLIV). Ini bermakna sejarah itu mengajar manusia mengetahui tentang diri manusia dengan merujuk kepada apa yang telah dilakukan oleh manusia itu sendiri. Miskawayh telah memilih sejumlah pengalaman masa lalu berdasarkan pengalaman-pengalaman yang telah dilalui oleh bangsa-bangsa terdahulu. Pemilihan tersebut membolehkan berlakunya proses mengenal sifat, perilaku dan pelaku sejarah itu sendiri. Pengalaman-pengalaman tersebut adalah apa yang dinyatakan oleh beliau sebagai *Tajribah*. Miskawayh meyakini bahawa *Tajribah* yang beliau gagaskan itu mempunyai nilai utiliti atau *ifādah* yang berguna sebagai panduan kepada generasi seterusnya untuk kesinambungan berlakunya proses mengenal diri.

Oleh yang demikian, Miskawayh menyusun *Tajārib* berdasarkan apa yang mempunyai nilai *ifādah* dan tidak memasukkan sejarah yang mempunyai nilai-nilai hiburan dan cerita yang sia-sia (*al-asmār wa al-khurāfāt*). Beliau mengatakan bahawa nilai-nilai tersebut tidak memberi faedah kecuali hanya sebagai cerita dongeng dan membuang masa (Miskawayh 2001: 49). Penegasan yang dibuat oleh Miskawayh itu menunjukkan perhatian dan usaha beliau yang serius untuk

menyampaikan bentuk sejarah yang benar-benar berfaedah dan berguna. Kenyataan ini menjawab persoalan kenapa Miskawayh meminggirkan nilai-nilai yang dianggap beliau sebagai *al-asmār* dan *al-khurāfāt*. Meskipun begitu, *Tajribah* bukanlah satu teori yang statik. Kefahamannya memerlukan hubung kait dengan konsep lain bagi mengukuhkan justifikasi pembinaan landasan ideanya. *Khibrah* dan *mulāḥazah* adalah dua konsep yang sinonim untuk dihubungkan dengan *Tajribah*. *Khibrah* secara literalnya sering diterjemahkan sebagai pengalaman. Persoalannya apakah perbezaan dan persamaan di antara keduanya?

KHIBRAH

Seperti yang disebutkan sebelumnya, *al-khibrah al-ḥissiyyah* adalah keadaan dan proses yang dialami serta dapat dirasai oleh manusia. Berlawanan pula dengan *al-tajribah al-ḥissiyyah* yang hanya dapat dibuktikan melalui proses uji kaji yang saintifik. *Tajribah* di sini bermaksud percubaan terhadap sesuatu proses uji kaji dalam makmal. Manakala *khibrah* pula membawa maksud proses yang dirasai dan dialami oleh manusia. Persoalannya bolehkah *khibrah* itu dianggap sebagai *Tajribah*. Ini kerana *Tajribah* mempunyai pelbagai terjemahan yang literal sama ada percubaan ataupun pengalaman. *Khibrah* pula merujuk kepada pengalaman dan kepakaran. Kenapa Miskawayh menggunakan *Tajribah* dan tidak *khibrah*? Dalam *Muqaddimah* kitab *Tajārib*, Miskawayh secara konsisten menyebut istilah *Tajribah* sebanyak dua kali (Miskawayh 2001: 47-48). Tidak dinyatakan oleh beliau istilah lain yang sama dengan *Tajribah*. Melainkan menyebut dua istilah sahaja iaitu *Tajribah* dan kata jamaknya *Tajārib*.

PROSES KHIBRAH

Bagaimana pula dengan *khibrah*? Ia adalah istilah yang paling hampir, berkongsi terjemahan literal yang sama dan diketahui umum sebagai membawa maksud pengalaman dalam bahasa Arab. Penulis mengemukakan persoalan ini adalah untuk mengetahui sejauh mana kedalaman maksud di antara dua istilah tersebut. Pembahagian dan maksud di antara *al-khibrah al-ḥissiyyah* dan *al-tajribah al-ḥissiyyah* seperti yang dinyatakan sebelumnya adalah bersifat umum. Ini kerana *khibrah* perlu diinterpretasi secara lebih mendalam sehingga dapat dibentuk perbezaan di antara istilah *khibrah* dan *Tajribah*. Selain membawa maksud pengalaman, *khibrah* juga bermaksud kepakaran.

Seseorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu disebut sebagai *ahl al-khibrah*. Bagaimanakah proses kepakaran itu berlaku? Ia berlaku dalam keadaan yang berulang-ulang. *Khibrah* adalah satu kepakaran yang dimiliki oleh individu yang melakukannya secara berulang-ulang dalam bentuk yang sama. Contohnya seorang tukang kayu memiliki *Khibrah* kerana beliau mempunyai kepakaran dalam bidang pertukangan. Ia dilakukan oleh beliau melalui proses latihan secara konsisten dan berulang-ulang sehingga layak digelar ahli dalam bidang pertukangan kayu. Dalam konteks ini juga beliau dianggap seorang yang berpengalaman dalam bidang pertukangan kayu. Ini menjelaskan keadaan bagaimana istilah *khibrah* itu diterjemahkan juga sebagai pengalaman. Keadaan ini menunjukkan bahawa terjemahan literal dan maksud pengalaman yang terbit dari istilah *khibrah* berpunca dari proses kepakaran yang dimiliki. Tanpa kepakaran, seseorang itu tidak diiktiraf sebagai berpengalaman.

MALAKAH

Dalam konteks istilah *khibrah*, pengalaman hanyalah pengiktirafan dan tanggapan terhadap kepakaran yang dimiliki oleh individu. Seorang individu yang berkepakaran telah melalui proses pembinaan kepakarannya berdasarkan ruang masa dan tempat yang tertentu. Penggunaan ruang masa dan tempat mengesahkan pengalaman seseorang dalam bidang dan konteks tersebut. *Khibrah* bersifat statik hanya kepada satu bidang sahaja dan tidak fleksibel serta meluas. Ia hanya menjadi hak milik individu hanya dalam bidang khusus yang dimilikinya sahaja.

Konsep *khibrah* juga mempunyai persamaan dengan konsep *malakah* yang disebut oleh Ibn Khaldūn. Istilah *malakah* boleh diterjemahkan sebagai bakat. Menurut Ibn Khaldūn, *malakah* adalah sifat yang bersehati dan terhasil melalui perbuatan yang diulang-ulang sehingga sehati dengan jiwa (al-Na'miy 1994: 74). Seperti juga *khibrah*, *malakah* dimiliki dan dikuasai hanya dalam satu bidang (al-Na'miy 1994: 75). Percubaan untuk menguasai beberapa bidang dalam waktu yang sama melahirkan kegagalan untuk mencapai tahap sifat yang bersehati. Berbeza dengan *khibrah* mahupun *malakah*, *Tajribah* yang disebut dalam *Tajārib* tidak merujuk kepada proses pengulangan sesuatu perbuatan dalam bentuk yang sama sehingga melayakkannya dianggap sebagai pengalaman.

Tetapi *Tajribah* yang digambarkan oleh Miskawayh mempunyai jalinan ikatan dengan konsep *mulāḥazah*. Aspek ini dinyatakan oleh

Miskawayh sebanyak dua kali “Apabila aku amati (*taṣofahtu*) melalui pembacaan...” dan “dan aku telah perhatikan (*rā’aytu*) contoh-contoh peristiwa yang terdahulu, pengalaman (*tajribah*) orang-orang yang terdahulu dan menjadikannya sebagai bukti panduan” (Miskawayh 2001: 47 & 48). Istilah “aku amati” (*taṣofahtu*) dan aku telah melihat (*rā’aytu*) oleh Miskawayh merupakan bukti bahawa *Tajribah* itu bermula dengan satu proses *mulāḥazah* yang umum, bebas dan menyeluruh terhadap peristiwa-peristiwa sejarah sama ada dalam bentuk tulisan dan pemerhatian secara langsung yang kemudiannya ditapis berdasarkan *ifādah* sehingga melahirkan *Tajribah* (Rujuk rajah 1).

Mulāḥazah boleh berlaku dalam semua bentuk keadaan ruang waktu dan tempat. Ia berbeza sama sekali dengan *khibrah* yang hanya bertumpu kepada satu tempat, ruang waktu dan individu yang tertentu sahaja. Meskipun begitu seperti *khibrah*, *mulāḥazah* juga memerlukan konteks ruang waktu dan tempat untuk membolehkannya berfungsi. Persoalannya apakah sifat *mulāḥazah* yang diaplikasikan oleh Miskawayh sebagai satu proses pemerhatian sejarah yang fleksibel dan bagaimana pula bentuk konteks ruang waktu dan tempat yang digunakan oleh beliau?

MULĀḤAZAH

Mulāḥazah adalah satu prinsip saintifik berasaskan proses pemerhatian terhadap sesuatu menggunakan pancaindera sama ada lihat, dengar dan rasa. Dari sudut epistemologi, proses ini merupakan metode untuk membentuk sesuatu teori ilmu secara saintifik. Ianya melibatkan enam prinsip utama iaitu 1) *al-syumūl*: penulisan secara menyeluruh 2) *al-takrīz*: tumpuan kepada aspek penting 3) *al-tikrār*: dilakukan secara berulang-ulang 4) *al-‘adam al-tasarru’ fī al-ḥukm*: tidak gopoh mendapat keputusan 5) *al-mawdhū’iyyah*: bersifat bebas dan praktikal dan 6) *al-tasjīl*: melakukan catatan (Abdul Rahman 2005: 84).

Penulis merumuskan bahawa kesemua prinsip tersebut secara umumnya boleh dikaitkan dengan usaha yang dilakukan oleh Miskawayh untuk membina landasan historiografi *Tajārib*. Namun, tumpuan perlu diberikan kepada kefahaman terhadap butiran teks *Tajārib* untuk mengenal pasti petunjuk-petunjuk dalam teks secara tematik yang merujuk kepada proses perkembangan *mulāḥazah* Miskawayh. Terdapat dua bentuk *mulāḥazah* yang diaplikasikan oleh Miskawayh dalam *Tajārib* iaitu secara tidak langsung dan secara langsung.

Pertamanya secara tidak langsung adalah berdasarkan kenyataan yang beliau mengakui secara peribadi telah mengamati (*taṣofahtu*) peristiwa-peristiwa sejarah melalui proses rujukan (*marāji'*) kepada historiografi yang lain. Keduanya secara langsung iaitu beliau menyaksikan sendiri (*rā'aytu*) berlakunya peristiwa-peristiwa sejarah menerusi pelbagai proses sumber (*maṣādir*). Kedua-dua peringkat *mulāḥazah* tersebut tentunya mempunyai perbezaan dan ciri-cirinya untuk dibahaskan. Ia menimbulkan pelbagai polemik tentang bagaimana Miskawayh menetapkan ciri-ciri tersebut bagi setiap peringkat sehingga kedua-duanya boleh dianggap *Tajribah* oleh beliau. Penulis berpendapat bahawa kedua-dua peringkat tersebut mempunyai perbezaan yang amat ketara dari aspek pelaksanaannya.

PEMERHATIAN TIDAK LANGSUNG

Mulāḥazah secara tidak langsung berlaku merujuk kepada *mulāḥazah* Miskawayh secara peribadi terhadap rujukan-rujukan sejarah yang ada di sekeliling beliau. Proses ini merupakan *mulāḥazah* dalam bentuk rujukan (*marāji'*) terhadap peristiwa-peristiwa sejarah yang telah lalu bersandarkan rujukan-rujukan sejarah yang sedia ada di sisi Miskawayh. Sandaran kepada rujukan sejarah tersebut adalah bersifat perantaraan (*mediated*) kerana melalui proses ini Miskawayh menganggap rujukan sejarahnya itu sebagai satu *Tajribah*.

PEMERHATIAN LANGSUNG

Berbeza pula dengan peringkat *mulāḥazah* secara langsung yang mendedahkan Miskawayh secara terus kepada konteks peristiwa sejarah itu berlaku. Dalam konteks ini beliau sebenarnya melihat, melalui dan merasai secara peribadi peristiwa-peristiwa sejarah tersebut. Ini berdasarkan kepada kenyataan yang dibuat oleh beliau dalam *Tajārib* “kebanyakan dari apa yang aku riwayatkan selepas dari tahun ini (340 H) merupakan peristiwa-peristiwa yang aku saksikan sendiri atau maklumat-maklumat yang aku perolehi dari individu-individu yang aku anggap benar dan boleh dipercayai” (Miskawayh 1921: 142). Ini bermakna terdapat dua ciri khusus yang merujuk kepada *mulāḥazah* Miskawayh secara langsung iaitu 1) peristiwa yang disaksikan oleh beliau secara peribadi dan 2) maklumat tentang peristiwa yang diperolehi melalui perantaraan (*intermediated*) personaliti-personaliti tertentu.

Perbezaan di antara dua peringkat *mulāḥazah* adalah jelas. Pada peringkat pertama Miskawayh melakukan *mulāḥazah* terhadap


peristiwa-peristiwa sejarah yang beliau sendiri tidak pernah berada dalam zamannya. Meskipun begitu, seperti yang dibahaskan sebelumnya, Miskawayh tidak menerima setiap maklumat sejarah dalam historiografi sebelumnya secara mutlak, bahkan beliau telah melakukan proses *tanqīh* terlebih dahulu bagi memastikan maklumat yang dipilihnya itu mempunyai nilai *ifādah*. Manakala peringkat kedua *mulāḥazah* Miskawayh merupakan manifestasi dan reaksi kepada suasana dan persekitaran yang beliau alami sendiri secara peribadi dalam bahagian sejarah kontemporari. Pada peringkat kedua ini, Miskawayh masih mengekalkan teknik yang sama dengan peringkat yang pertama dalam pelaksanaan proses *Tajribah* iaitu *tanqīh* dan *ifādah*. Walau bagaimanapun ciri bagi *mulāḥazah* peringkat kedua ini lebih bersifat khusus kerana ia adalah ruang waktu dan tempat di mana Miskawayh berada dan hidup di dalamnya. Walaupun berlaku proses perantaraan dalam perolehan maklumat sejarah, ianya amat berbeza dengan perantaraan peringkat pertama yang merujuk dan bersandarkan secara terus kepada peristiwa lalu. Ini bermakna berlaku pemisahan yang ketara dari aspek ruang waktu dan tempat di antara dua jenis kandungan sejarah yang dirujuk oleh Miskawayh ketika melakukan penulisan sejarah. Manakala perantaraan beliau pada peringkat yang kedua pula berlaku dalam konteks zaman beliau berada.

ZĀHIRAH

Fenomena atau *zāhirah* merupakan komponen yang penting dalam proses *Tajribah* Miskawayh. Ia adalah tempat atau ruang yang digunakan oleh Miskawayh untuk melakukan proses *Tajribah* ketika menulis kitab *Tajārib*. Dalam erti kata lain, fenomena juga melibatkan penentuan skop sesuatu tempat, kota dan negeri yang dijadikan subjek oleh beliau ketika menulis *Tajārib*. Namun faktor terpenting yang membolehkan skop tersebut dianggap sebagai fenomena, bertolak dari persoalan sama ada ianya mempunyai akses langsung dengan Miskawayh atau tidak. Dalam konteks ini penulis mengenal pasti dua faktor saja yang boleh membuktikan berlakunya hubungan langsung di antara beliau dan sejarah kontemporarinya iaitu masa dan tempat.

Hubungan di antara kedua-dua faktor tersebut adalah penting sebagai pengesahan bagi membuktikan secara logik bahawa wujudnya akses di antara Miskawayh dan sejarah kontemporari beliau. Malah menjadi bukti yang rasional bahawa bahagian sejarah tersebut boleh dianggap sebagai *Tajribah* langsung beliau. Kedua-dua faktor tersebut

berlaku kerana tidak semua kandungan sejarah dalam *Tajārib* itu sempat dialami dan disaksikan sendiri oleh Miskawayh. Ini bermakna hanya sebahagian dari kandungan sejarah merupakan hasil dari proses *Tajribah* secara langsung beliau. Gambaran kandungan tersebut berdasarkan Rajah 2 berikut.



Rajah 2: Fenomena (*Zāhirah*) Sejarah dalam Kandungan Kitab *Tajārib Al-Umam*

KESIMPULAN

Kefahaman terhadap teori *Tajribah* menurut Miskawayh perlu diinterpretasi berdasarkan jalinan konsep-konsep yang wujud dalam pola istilah *Tajribah*. *Mulāḥazah*, *zāhirah*, *ifādah* dan akhirnya *Tajribah* adalah aliran dan urutan dalam memahami perkembangan proses *Tajribah*. Miskawayh tidak membentangkan teori tersebut secara eksplisit dalam *Tajārib*. Sebaliknya beliau meninggalkan petunjuk-petunjuk yang implisit dalam teks *Tajārib* berdasarkan kenyataan-kenyataannya yang bersifat umum untuk difahami secara lebih mendalam dan menyeluruh. Kajian lanjut tentang *Tajribah* perlu diteruskan terutamanya dalam memahami perbincangan sudut epistemologi *Tajribah* tentang metode historiografinya dan bentuk sumber *Tajribah* menurut Miskawayh.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. 2005. *Wacana Falsafah Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Abū Zayd, Aḥmad. 2001. Al-Tajribah. Dalam *Al-Mawsū'ah al-Islāmiyah al-Āmmah*. Hlm. 339-340. Al-Qāhirah: T.P.
- Arkoun, Mohammed. 1993. Miskawayh. In *Encyclopaedia of Islam*. Vol. VII. Leiden: E.J. Brill.
- Collingwood, R.G. 1985. *Idea Sejarah*. Terj. Muhd Yusof Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Heinemann, F.H. 1941. The Analysis of 'Experience'. Dalam *The Philosophical Review*. Vol. 50. No. 6. Hlm. 561-584. Durham: Duke University Press.
- Kattsoff, Louis O. 1954. *Elements of Philosophy*. New York: The Ronald Press Company.
- Khan, M.S. 1980. *Studies in Miskawayh's Contemporary History (340-369 A.H)*. Michigan: University Microfilms International.
- Al-Khwārizmī. 1879. *Rasā'il*. Constantinople: Maṭba'a al-Jawā'ib.
- Mahdi, Muhsin. 2006. *Ibn Khaldun's Philosophy of History*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Margoliouth, D.S. 1972. *Lectures on Arabic Historians*. New York: Burt Franklin.
- Al-Mas'ūdī. 1966. *Murūj al-Dhahab wa Ma'ādin al-Jawhar*. Vol 2. Bayrūt: Mansyūrah al-Jāmi'ah al-Lubnāniyah.
- Miskawayh. 1921. *The Eclipse of the 'Abbasid Caliphate: The Concluding Portion of The Experience of the Nations*. Edited, Translated & Elucidated by H.F. Amedroz & D.S. Margoliouth. Vol. V. Oxford: Basil Blackwell.
- Miskawayh. 2001. *Tajārib al-Umam*. Edited, Annotated & Introduced by A. Emāmi. Vol. I. Tehran: Soroush Press.
- Al-Na'miy, Abdullāh al-Amīn. 1994. *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldūn dan al-Qābisi*. Terj. Mohd Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siddiqi, B.H. 1974. Miskawayh: Life and Works. In *Journal of the Regional Cultural Institute*. Vol. VII. No. 2 & 3. Hlm. 87-111. Tehran: RCD Culture Institute.

Azmul Fahimi Kamaruzaman
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43650 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
azmul@ukm.my